



MALAYSIA RAPID TRANSIT SYSTEM SDN BHD

(No. Syarikat 201901044132 (1353462-M))

(Sebuah Anak Syarikat Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd)

KENYATAAN TENDER

MALAYSIA RAPID TRANSIT SYSTEM SDN BHD 201901044132 (1353462-M) ("MRTS"), adalah anak syarikat milikan penuh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd yang telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai syarikat infrastruktur untuk pembinaan RTS Link di Malaysia.

MRTS mempelawa bakal Petender untuk mengambil bahagian dalam tender bagi pakej kerja yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

| TAJUK TENDER DAN NOMBOR TENDER | SYARAT - SYARAT PENDAFTARAN | SYARAT - SYARAT TENDER | HARGA DOKUMEN TENDER | TAKLIMAT TENDER MANDATORI |
|--|---|--|---|---|
| <p>PROJEK RAPID TRANSIT SYSTEM LINK (RTS LINK) ANTARA JOHOR BAHRU DAN SINGAPURA</p> <p>PROPOSED DESIGN, CONSTRUCTION, INSTALLATION AND COMPLETION OF MALAYSIA AGENCIES FIT-OUT WORKS AT WOODLANDS NORTH CUSTOM, IMMIGRATION AND QUARANTINE (CIQ)</p> <p>TENDER NO:- RTS-MRTS-GENE-WONC-TEN-000001</p> | <p>Tender ini adalah terbuka kepada semua kontraktor yang berdaftar di Malaysia.</p> <p>A. Kontraktor mestilah mempunyai pendaftaran yang sah seperti yang terkandung dibawah:</p> <p>i. Kontraktor Tempatan: Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) and Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB Gred : G7 Kategori : B07</p> <p>ii. Kontraktor asing yang berpangkalan di Malaysia Mestilah menyediakan salinan sijil pendaftaran CIDB bagi pelaksanaan projek di Malaysia.</p> <p>B. Sijil Pendaftaran <i>Singapore Building and Construction Authority (BCA)</i></p> | <p>i. Penyertaan kontraktor asing yang berpangkalan di Malaysia adalah dibenarkan dengan membentuk Usahasama/Konsortium bersama Kontraktor tempatan.</p> <p>ii. Petender yang tidak berdaftar dengan BCA adalah dibenarkan untuk membentuk Usahasama/Konsortium bersama Petender yang mempunyai pendaftaran dengan BCA</p> <p>iii. Sekurang-kurangnya salah satu daripada ahli JV/Konsortium mestilah mempunyai pendaftaran dengan BCA</p> | <p>RM 6,000.00 (Ringgit Malaysia: Enam Ribu Sahaja)</p> <p>dalam bentuk Deraf Bank / Banker's Cheque</p> <p>pembayaran kepada:- Malaysia Rapid Transit System Sdn Bhd 201901044132 (1353462-M)</p> | <p>Tarikh : Selasa, 25 Julai 2023 Masa : 3.00 petang Tempat : Project Information Centre Tingkat 26, Menara JLand, Jalan Wong Ah Fook, 80000 Johor Bahru, Johor Darul Takzim</p> <p>Semua Petender dikehendaki mendaftar pada Selasa, 25 Julai 2023 di lokasi yang tertera di atas di antara jam 2.15 petang dan 2.45 petang. Wakil daripada setiap Syarikat Petender yang dibenarkan hadir hendaklah tidak melebihi daripada dua (2) orang.</p> <p>Wakil-wakil dari pihak Petender yang berminat mestilah dari kakitangan utama yang berkelakuan dan berpengalaman dalam bidang tender dan kontrak serta diberi kuasa oleh syarikat.</p> <p>Wakil Petender WAJIB mengemukakan Sijil Pendaftaran yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN' (oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat) seperti dinyatakan di dalam SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN sewaktu menghadiri Taklimat Tender. Kegagalan mengemukakan sijil-sijil tersebut akan membatalkan kelayakan untuk menghadiri taklimat.</p> |

Petender mestilah memenuhi syarat-syarat MANDATORI seperti berikut untuk menyertai Tender ini:

| KEPERLUAN KEUPAYAAN TEKNIKAL | KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN |
|---|--|
| <p>Nota: Bagi penyertaan secara Usahasama/Konsortium, penilaian keupayaan Teknikal/ Kewangan adalah berdasarkan purata ekuiti dalam Usahasama/ Konsortium.</p> | |
| <p>Mempunyai pengalaman menyiapkan kerja-kerja hiasan dalaman dan 'Fit-Out' bagi projek-projek seperti lapangan terbang, terminal internasional, (Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQ), bangunan pejabat, dan bangunan pintu masuk dalam tempoh 7 tahun yang lalu dengan jumlah minimum terkumpul sebanyak RM 10 juta.</p> | <ol style="list-style-type: none"> Dana Pemegang Saham (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah tidak kurang daripada RM1 juta. EBITDA terkumpul sepanjang 5 tahun sebelumnya mestilah positif. Baki kemudahan kredit yang tidak digunakan daripada Institusi Kewangan yang sedia ada tidak kurang daripada RM3 juta. |

Hanya petender yang telah menghadiri taklimat tender mandatori akan dibenarkan untuk meneliti dan membeli dokumen tender. Dokumen tender boleh dibeli mulai **25 Julai 2023 (selepas taklimat tender) sehingga 8 Ogos 2023** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

| TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN TENDER | WAKTU OPERASI KAUNTER TENDER |
|--|---|
| <p>MALAYSIA RAPID TRANSIT SYSTEM SDN BHD Jabatan Perolehan (Kaunter Tender) Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia</p> | <p>Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengahari dan 2:00 petang – 5:00 petang Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 3:00 petang – 5:00 petang</p> |

Tarikh serahan tender adalah pada **Selasa, 15 Ogos 2023, tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Sebarang kelewatan didalam penyerahan tender dokumen tidak akan diterima.

Nota:

- Petender dibenarkan membentuk satu Usahasama/Konsortium dengan dianggotai tidak lebih daripada **dua (2) buah syarikat**.
- Petender dibenarkan menyerahkan hanya satu (1) tender sahaja untuk setiap pakej diatas, sama ada sebagai sebuah entiti tunggal atau Usahasama/Konsortium. Petender yang didapati telah mengambil bahagian lebih daripada satu (1) tender akan dibatalkan keseluruhan penyertaannya secara automatik.
- Penyertaan Syarikat Usahasama/Konsortium hendaklah disertakan dengan Perjanjian Usahasama/Konsortium dan perjanjian tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, penyertaan ekuiti bagi setiap Syarikat Usahasama/Konsortium dan hendaklah mempunyai klausa yang menyatakan bahawa semua ahli Syarikat Usahasama/Konsortium adalah bertanggungjawab secara bersama (*Jointly and Severally Liable*) bagi Syarikat Usahasama/Konsortium tersebut.
- Kesemua Petender mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori, undang-undang dan peraturan termasuklah pindaan yang berkaitan atau penggabulan semula yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui e-mail ke procurement@mymrt.com.my.
- Maklumat lanjut mengenai RTS Link boleh dilayari di laman web kami di www.mymrt.com.my.
- MRTS berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, meminta penjelasan selanjutnya dari mana-mana Petender serta membatalkan proses tender ini dan menolak kesemua permohonan pada bila-bila masa tanpa menyatakan apa-apa sebab. MRTS tidak akan menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Petender yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.

www.mymrt.com.my